

26 SEP 2002

KPMG-BAJET/I

KPMG: BAJET 2003 BERTUJUAN JADIKAN MALAYSIA LEBIH KOMPETITIF

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Firma Perakaunan Bertauliah, KPMG menyifatkan Bajet 2003 yang dibentangkan baru-baru ini sebagai mesra rakyat, bertujuan menempatkan Malaysia di tapak yang lebih kompetitif dan membantu merangsang pertumbuhan beberapa aktiviti domestik.

KPMG memperkatakan mengenai isu dan implikasi yang terkandung dalam Bajet 2003 pada Taklimat Percukaian Eksekutif Tahunan yang diadakan di sini hari ini.

Dalam satu kenyataan di sini, Rakan Kongsi KPMG Malaysia, Bertanggungjawab dalam Percukaian Khoo Chin Guan berkata: "Seperti yang dijangkakan kandungan bajet lebih bertujuan merangsang fiskal kumpulan yang disasarkan dan bukannya pemotongan cukai secara menyeluruh."

Dengan cara ini, beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengelak stigma "Bajet Elektron" tetapi pada masa yang sama telah menghasilkan bajet yang sepatutnya dapat diterima baik di peringkat domestik dan antarabangsa.

"Walaupun cukai korporat kekal pada 28 peratus untuk tempoh enam tahun lepas, Dr Mahathir yang juga merupakan Menteri Kewangan sekali lagi enggan untuk mengurangkan kadar cukai berkenaan," kata beliau.

Kerajaan berpendapat potongan cukai sahaja tidak semestinya boleh mempengaruhi keputusan pelabur asing untuk melabur di Malaysia, dan oleh itu telah memfokuskan perhatian mereka dengan menyediakan insentif yang disasarkan.

"Berdasarkan kepada kenyataan di atas, pelepasan terhad telah diberikan kepada industri kecil dan sederhana di mana syarikat dengan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta akan membayar cukai hanya pada 20 peratus ke atas pendapatan RM100,000 pertama yang dikenakan cukai.

Bagaimanapun masih ada kebimbangan memandangkan para pemegang saham masih perlu membayar cukai lapan peratus apabila dividen diterima, kata Khoo.

Dalam usaha memajukan lagi Malaysia sebagai negara progresif dan berteknologi tinggi di samping mempercepatkan kemasukan pasaran eksport, pengurangan cukai telah dicadangkan untuk syarikat milik tempatan yang memiliki syarikat milik asing di seberang laut.

Pelepasan ialah dalam bentuk hapus kira cukai lima tahun daripada kos pengambilalihan.

Memandangkan kelulusan diperlukan daripada pihak MIDA, yang belum mengeluarkan sebarang garis panduan mengenai kriteria insentif berkenaan, adalah diharapkan ini tidak menjadi prosedur yang begitu membebankan memandangkan korporat di bawah taksiran sendiri mesti menguruskan anggaran cukai mereka, kata beliau.

Beliau menambah masih kabur sama ada syarikat yang memiliki perniagaan asing menerusi syarikat pegangan pelabur atau pembiayaan hutang akan menikmati insentif ini.

Bagi mengembangkan lagi pasaran modal Islam, kerajaan terus memperkenalkan insentif cukai untuk terbitan/penyusunan semula berasaskan Sekuriti Hutang Persendirian Islam.

Khoo berkata cadangan insentif itu nampaknya tidak memenuhi jangkaan kerana ia gagal menangani isu cukai perolehan hartanah sebenarnya dan duti setem.

Bagaimanapun secara keseluruhan, Khoo berkata Perdana Menteri begitu prihatin dalam memastikan yang langkah-langkah dalam bajet ini membantu

sektor-sektor yang boleh menyediakan pertumbuhan yang mapan. -- BERNAMA
TNS SD AA